

04/02/2002

Syor perkenal aliran agama di sekolah menengah

KUALA LUMPUR, Ahad - Majlis Belia Malaysia (MBM) hari ini mendesak kerajaan supaya memperkenalkan aliran agama di sekolah menengah harian dan pada masa sama, memanjangkan tempoh pembelajaran mata pelajaran agama di sekolah rendah kebangsaan.

Naib Presidennya, Norizan Sharif, berkata pada masa ini sekolah menengah harian hanya menawarkan aliran sains dan sastera. Ia mencadangkan kerajaan memperkenalkan aliran ketiga iaitu aliran agama.

"Dengan ada aliran agama di sekolah menengah harian, pelajar boleh mengikuti aliran itu di sekolah bantuan penuh kerajaan. Selain itu, dengan cara ini pelajar aliran agama tidak dipisahkan dengan pelajar lain di sekolah aliran kebangsaan.

"Interaksi ini penting bagi menentukan integrasi antara kaum dan generasi muda Malaysia, khususnya orang Melayu tidak dikelompok berdasarkan aliran pengajian," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai rancangan kerajaan memperkenalkan kurikulum bersepadu untuk sekolah agama di seluruh negara bagi mengelak pengajaran keagamaan diselewengkan.

Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan juga sedang mengubal undang-undang bagi memperuntukkan kuasa mengawasi madrasah dan sekolah agama untuk memastikan semua pengendali institusi berkenaan mematuhi kurikulum baru itu.

Dr Mahathir berkata, pelaksanaan kurikulum bersepadu itu akan meliputi sekolah kerajaan dan swasta kerana di sekolah kerajaan juga, didapati ada guru agama membawa masuk unsur politik sewaktu mengajar.

Sementara itu, laporan muka depan Berita Harian Jumaat lalu turut menyiarkan mengenai penahanan 12 tenaga pengajar Sekolah Tarbiyah Islamiyah Luqmanul Hakiem di Sungai Tiram, Johor termasuk mudirnya (pengetua), untuk siasatan berkaitan kegiatan Kumpulan Militan Malaysia (KMM).

Pihak berkuasa turut menutup sekolah itu, yang sehingga tahun lalu mempunyai 155 pelajar tahun satu hingga enam dengan semuanya tinggal di asrama.

Laporan itu memetik sumber polis sebagai berkata, 12 tenaga pengajar itu ditahan beberapa hari lalu berikutan laporan Jabatan Pendidikan Johor mengenai kegiatan mencurigakan di sekolah itu.

Norizan berkata, pemanjangan tempoh pembelajaran matapelajaran agama di sekolah rendah dan menengah kebangsaan boleh diperuntukkan dengan mata pelajaran agama.

"Pada masa sama kandungan matapelajaran agama Islam di sekolah rendah kebangsaan perlu diteliti kerana ia terlalu asas dan tidak memenuhi kehendak ibu bapa menyebabkan mereka menghantar anak belajar ke sekolah agama rakyat atau agama swasta," katanya.

(END)